



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2020
UKUR BAHAN**

KOD : PJU04
SUBJEK : SPESIFIKASI
TARIKH : 10 MAC 2020
MASA : 2.00 PTG. – 5.00 PTG.

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU04 – SPESIFIKASI

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Bahan yang digunakan untuk kerja melepap boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Nyatakan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014 bagi kerja-kerja berikut:

- i) Lepa *gypsum*
- ii) Lepa *granolitic*

(8 markah)

- b) Tuliskan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014 bagi perkara-perkara berikut:

- i) Jubin *PVC*
- ii) Lantai parket (*parquet*)

(12 markah)

SOALAN 2

- a) Huraikan spesifikasi bagi **empat (4)** jenis kelengkapan kebersihan (*sanitary fittings*) berikut:

- i) Besin basuh tangan
- ii) Sinki
- iii) Mangkuk tandas (*Water closet*)
- iv) Tangki untuk mangkuk tandas

(16 markah)

SOALAN 2 (sambungan)

- b) Senaraikan **empat (4)** jenis kelengkapan kebersihan (*sanitary fittings*) selain daripada yang telah dinyatakan dalam **soalan 2(a)**.

(4 markah)

SOALAN 3

- a) Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh kontraktor dalam menyediakan perkara berikut berdasarkan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014:

- i) Pejabat Tapak (*Site Office*)
- ii) Laluan dan jalan masuk sementara
- iii) Telefon untuk Pegawai Penguasa
- iv) Gambar kemajuan kerja di tapak

(16 markah)

- b) Berdasarkan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014, senaraikan **empat (4)** kemudahan peralatan yang perlu disediakan oleh kontraktor untuk kemudahan Pegawai Penguasa di tapak bina.

(4 markah)

SOALAN 4

- a) Berdasarkan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014, huraikan kaedah mengecat bagi permukaan berikut:

- i) Permukaan kayu baharu
- ii) Permukaan logam
- iii) Permukaan batu sedia ada atau lama

(12 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

- b) Huraikan Spesifikasi Am bagi kerja cat dan senaraikan **empat (4)** jenis cat yang biasa diguna pakai dalam kerja binaan.

(8 markah)

SOALAN 5

- a) Konkrit merupakan bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan bangunan. Nyatakan Spesifikasi Am bagi kerja konkrit berikut:

- i) Asas
- ii) Lantai

(12 markah)

- b) Nyatakan secara ringkas **empat (4)** ciri umum acuan bagi konkrit mengikut Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014.

(8 markah)

SOALAN 6

- a) Huraikan **lima (5)** sebab berlakunya kecacatan pada kayu.

(10 markah)

- b) Senaraikan **lima (5)** ciri pengawetan kayu berdasarkan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014.

(10 markah)

SOALAN 7

Merujuk kepada Seksyen R, Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014 menerangkan tentang Kerja-kerja Landskap dan Penanaman Rumput, tuliskan Spesifikasi Am bagi perkara berikut:

- a) Penanaman pokok dan rumput
- b) Penempatan semula dan perlindungan pokok sedia ada

(20 markah)

SOALAN 8

- a) Jalan dan dataran kejut terdiri daripada beberapa lapisan. Berikan spesifikasi bagi lapisan berikut:

- i) *Sub-grade*
- ii) *Sub-base*
- iii) *Crushed aggregate base course*
- iv) *Binder and wearing course*

(16 markah)

- b) Berdasarkan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014 nyatakan **empat (4)** jenis Perabot Jalan (*Road Furniture*).

(4 markah)

SOALAN 9

- a) Tuliskan Spesifikasi Am bagi kemasan lantai seperti berikut:

- i) Lantai parket (*Parquet tile flooring*)
- ii) Lantai jalur kayu (*Timber strip flooring*)
- iii) Turapan simen (*Cement paving*)

(15 markah)

SOALAN 9 (smbungan)

- b) Sebelum kerja melepai dinding dilakukan, apakah perkara yang perlu dititik beratkan dalam penyediaan permukaan dinding tersebut?

(5 markah)

SOALAN 10

- a) Nyatakan **empat (4)** dokumen yang perlu dikemukakan oleh pihak kontraktor kepada Pegawai Penguasa jika kontraktor dikehendaki untuk mereka bentuk dan membina sistem kerangka bumbung seperti di dalam kontrak.

(8 markah)

- b) Berdasarkan Spesifikasi Piawaian JKR untuk Kerja Bangunan 2014 tuliskan Spesifikasi Am bagi komponen pagar seperti berikut:

- i) Jejaring berangkai (*Chain link mesh*)
- ii) Tiang keluli lembut (*Mild steel post*)

(12 markah)
